

Keselamatan lapangan terbang kita terkawal

Putrajaya: Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata orang ramai tidak perlu bimbang dengan tahap keselamatan di lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kerana kedua-duanya mempunyai sistem keselamatan terbaik.

Oleh itu katanya, kes kematian seorang warga Korea utara di klia2, Isnin lalu tidak perlu dikaitkan dengan tahap keselamatan di pintu masuk utama negara "Orang ramai tidak perlu bimbang kerana kedua-duanya mempunyai sistem keselamatan terbaik siasatan polis. Tetapi saya tidak boleh mengulas secara lebih terperinci berkenaan kes ini kerana ia dalam siasatan pihak polis," katanya kepada pemberita di lobi Kementerian Pengangkutan, di sini semalam.

Katanya, beliau sudah mendarahkan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk memberi kerjasama sepenuhnya berhubung siasatan kes berkenaan termasuk memberi maklumat dan menyerahkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) untuk membantu siasatan polis.

Perkukuh tahap keselamatan di Kota Kinabalu, Pengurus MAHB, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, berkata pihaknya akan mengambil langkah sewajarnya bagi mengukuhkan tahap keselamatan lapangan terbang di negara ini berikutan insiden kematian seorang warga Korea Utara di KLIA2, "Kita sentiasa berusaha mengukuhkan keselamatan. Kita mengambil berat perkara ini dan akan mengambil langkah memastikan insiden tidak diingini, tidak berlaku di lapangan terbang," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), di sini, semalam.

Di Seremban, Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Datuk Seri Zulkifli Abdullah, berkata polis mengkaji keperluan tambahan untuk mempertingkatkan tahap keselamatan KLIA2 berikutan kes berkenaan. Katanya, tahap keselamatan di KLIA2 bukan hanya bergantung kepada jumlah anggota polis yang bertugas, tetapi turut dipengaruhi pelbagai faktor lain. "Bukan kata lebih ramai anggota, lebih baik keselamatan. Kita 'perlu melihat bentuk penugasan yang diatur dan teknologi moden yang boleh kita gunakannya," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan sebuah van dan dua buah skuter untuk kegunaan polis oleh IJM Land Berhad di sini, semalam.

SUMBER : BERITA HARIAN | M/S: 4 | 16 FEBRUARYI 2017